

Bil.(13)dlm.PTGS/CR 02/00/2000  
Jld.2

Zulhijah, 1428 H  
Disember, 2007

Pentadbir Tanah,

**PETALING,  
KLANG,  
GOMBAK,  
HULU LANGAT,  
KUALA LANGAT,  
KUALA SELANGOR,  
HULU SELANGOR,  
SABAK BERNAM,  
SEPANG.**

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL.1/2007**

**Penurunan Kuasa Kepada Pentadbir Tanah Untuk Penyediaan Hakmilik Sementara (QT) Kepada Hakmilik Tetap (FT) Berdasarkan Kepada Pelan Akui (PA) Yang Telah Diluluskan**

---

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 4 Disember 2007 telah memperakukan penurunan kuasa kepada semua pentadbir tanah untuk meluluskan pindaan keluasan untuk penyediaan Hakmilik Sementara (QT) kepada Hakmilik Tetap (FT) berdasarkan kepada pelan akui (PA) yang telah diluluskan. Kadar peratusan keluasan yang boleh diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah adalah seperti di lampiran A.

3. Penurunan kuasa ini merupakan sebahagian daripada cadangan memudahkan urusan penyediaan hakmilik. Kelulusan ini tidak melibatkan pindaan keluasan untuk kelulusan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

4. Jika keluasan berdasarkan pelan PA didapati melebihi daripada garis panduan seperti di lampiran A, Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki menyediakan kertas ringkasan untuk kelulusan MMKN.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

T.T  
**(ABD. NASIR BIN HASSAN)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

**Lampiran A**

Bil	Kategori	Luas	Keluasan Maksimum Berdasarkan MMKN Bil. 19/92	Kelulusan Penurunan Kuasa Untuk Pindaan Keluasan Penyediaan Hakmilik
a).	Pertanian	Tidak lebih 5 ekar Tidak lebih 50 ekar Tidak lebih 100 ekar	5 % = 10,890 k.p 3 % = 1.5 ekar 2 % = 2 ekar	20 % dan tidak melebihi 1 ekar 5 % dan tidak melebihi 2.5 ekar 5 % dan tidak melebihi 5 ekar
b).	Bangunan	Tidak lebih 5000 k.p Tidak lebih 10,000 k.p	5 % = 250 k.p 3 % = 300 k.p	20 % dan tidak melebihi 1000 k.p 20 % dan tidak melebihi 2000 k.p
c).	Perindustrian	Tidak lebih 5 ekar Tidak lebih 50 ekar Tidak lebih 100 ekar	5 % = 10,890 k.p 3 % = 1.5 ekar 2 % = 2 ekar	15 % dan tidak melebihi 0.7 ekar / 32670 k.p 7 % dan tidak melebihi 3.5 ekar 5 % dan tidak melebihi 5 ekar